

Jual makanan berkhasiat avokado, salmon di Jualan Rahmah



Profesor Madya
Pusat Pengajian
Ekonomi,
Kewangan dan
Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah
Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Buah avokado menjadi bualan rakyat apabila turut disebut dalam pembentangan Belanjaan 2025. Isunya bukan sahaja kerana buah ini dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperluaskan skopnya bermula 1 Mei tahun depan, bahkan lebih daripada itu.

Hakikat kerajaan melihat buah ini sebagai barang premium, menarik untuk dibahaskan. Realitinya, buah avokado berkhasiat dan memberi manfaat kepada pengguna.

Justeru, mengenakan cukai kepada buah ini jelas akan membebankan masyarakat, sekali gus memberi impak negatif dari segi kualiti kehidupan dan jangkaan tahap kesihatan pada masa hadapan.

Pada masa sama, kerajaan juga mengumumkan perang terhadap gula dengan menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari ini.

Peningkatan kadar duti eksais gula ini adalah untuk memerangi masalah obesiti dan gula juga antara musuh utama penyakit tidak berjangkit di negara ini.

Umum mengetahui kanak-kanak Malaysia mengalami masalah kebantutan akibat pengambilan makanan tidak bernutrisi, juga berkait isu kenaikan dalam kos barangan secara mendadak yang menyebabkan kuasa beli terhakis dan terpaksa mencari pengganti kepada makanan berkhasiat.

Jika rakyat dihipit masalah kos sara hidup, keutamaan adalah hanya untuk makan tanpa mengira nutrisi terkandung dalam makanan.

Bukankah makanan dan buah-buahan bernutrisi seperti avokado sepatutnya berada dalam senarai barangan di bawah program Konsep Payung Rahmah?

Saya mencadangkan buah avokado dan makanan sihat bernutrisi lain seperti ikan salmon dimasukkan dalam inisiatif Jualan Rahmah dengan penetapan harga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran, selain dimasukkan dalam Pakej Rahmah makanan bernutrisi.

Galakkan penanaman avokado

Saya juga mencadangkan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), memfokuskan usaha menggalakkan penanaman buah avokado untuk memperkukuh ekonomi rakyat melalui keusahawanan tani.

Dalam jangka masa sederhana dan panjang, ladang avokado dapat diperluaskan, manakala penanaman dilakukan dengan berskala besar, akhirnya akan meningkatkan pendapatan petani luar bandar dan seterusnya kerbergantungan terhadap import juga dapat dikurangkan.

Avocado di Thailand misalnya jauh lebih murah berbanding di negara ini, menyebabkan rata-rata

penduduk di Kedah misalnya membeli buah avokado di Selatan Thailand.

Peniaga tempatan, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) terbabit secara langsung dalam ekosistem dan keseluruhan rantaian bekalan tanaman avokado juga akan mendapat manfaat, seperti pembekalan baja.

Industri hiliran berkait avokado perlu dipergiat pada masa hadapan untuk memastikan PMKS dapat meningkatkan peluang menembusi pasaran eksport.

Produk halal berasaskan avokado dengan pengeluaran menggunakan aplikasi teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan data raya dengan bantuan pembiayaan serta pembinaan kapasiti, akan meningkatkan peluang PMKS tempatan untuk menembusi pasaran luar.

Hakikatnya, buah avokado memiliki potensi untuk pasaran ASEAN, Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan juga Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dalam masa terdekat ini.

Apatah lagi, Malaysia bakal menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan akan turut membabitkan penyertaan GCC, selain hasrat menyertai (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan), peluang untuk memperkasakan pemain PMKS dan industri halal dalam industri buah avokado adalah sangat luas.

Sebenarnya, isu buah avokado tidak timbul sekiranya kerajaan membuat perancangan teliti untuk melaksanakan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dalam masa terdekat.

Ini kerana lebih 170 negara di dunia sudah melaksanakan GST tanpa mengira ambang gaji minimum dan dalam semua kategori negara, sama ada negara berpendapatan tinggi, berpendapatan sederhana mahupun berpendapatan rendah.

